



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD , 20 MEI 2018**

1. WADAH UNTUK BERBAKTI KEPADA RAKYAT, NEGARA, PASCA PRU14 – KOSMO, 8
2. SALAHUDDIN : FROM KAMPUNG SERKAT TO PUTRAJAYA – NEW SUNDAY TRIBUNE, 8
3. STRAWBERI KUBANG MENERONG, SETEMPAT – HM, 82
4. SEMANIS BUAH KABUNG, SETEMPAT – HM, 82
5. POTENSI JADI PUSAT AGRO PELANCONGAN – SH ONLINE
6. MPAJ KUMPUL SUKARELAWAN 'SELAMATKAN' LEBIHAN MAKANAN BAZAR RAMADAN – SELANGOR KINI

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Wadah untuk berbakti kepada rakyat, negara

KUALA LUMPUR - Segala dasar serta pelaksanaan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan diteliti semula di bawah pentadbiran baharu kementerian tersebut.



Bakal Menteriinya, Salahuddin Ayub (**gambar**) memberitahu, perkara itu perlu dilakukan bagi memastikan bidang pertanian serta perikanan mampu memberi sumbangan besar kepada negara.

"Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ila-
hi atas pelantikan saya sebagai Menteri
Pertanian dan Industri Asas Tani yang
diumumkan hari ini (kelmarin). Saya
menerima pelantikan ini dengan penuh
kesyukuran dan rasa rendah diri.

"Insya-Allah, amanah dan keper-
cayaan yang diberikan oleh Perdana
Menteri ini akan saya galas dengan
sebaik mungkin," katanya dalam satu
kenyataan akhbar di sini.

Menurutnya Timbalan Presiden
Amanah yang juga Ahli Parlimen Pu-
lai itu, keyakinan yang diberikan un-
tuk menerajui kementerian tersebut
juga merupakan saluran terbaik dalam
memberikan khidmat kepada negara.

"Saya menganggap kepercayaan
yang diberikan oleh Perdana Menteri
ini sebagai wadah terbaik untuk ber-
bakti kepada seluruh rakyat bagi me-
mastikan mereka menikmati taraf dan
kualiti hidup yang lebih baik," katanya.

Headline	Salahuddin: From Kampung Serkat to Putrajaya		
MediaTitle	New Sunday Tribune		
Date	20 May 2018	Color	Black/white
Section	News	Circulation	46,471
Page No	8	Readership	164,773
Language	English	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 943
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,828



Salahuddin: From Kampung Serkat to Putrajaya

JOHOR BAHRU: Amanah deputy president, Salahuddin Ayub, appointed on Friday as the Minister of Agriculture and Agro-based Industry Minister in the new Cabinet led by Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad, is a local boy of Kampung Serkat, Pontian.

In the just concluded 14th general election (GE14), Salahuddin defeated former Deputy Home Minister, Datuk Nur Jazlan Mohamed, the incumbent of Pulai parliamentary seat with a majority of 28,924 votes.

Salahuddin, 56, began his early education at the Serkat English Primary School in Pontian, before proceeding to the Teluk

Kerang English Secondary School, Sri Perhentian Secondary School, Johor Religious Government School and then the Datuk Penggawa Barat Secondary School in 1980.

Salahuddin later further his studies at TAR College in Diploma in Business Administration before obtaining a Bachelor of Science and Human Development from Universiti Putra Malaysia.

Married to Fatimah Taha with six children, he ventured into the political arena after joining PAS in 1983 and held several positions at the district and national levels, including as PAS Youth chief and PAS vice-president.

The former two term Kubang

Kerian Member of Parliament had also contested in the GE13 under the PAS ticket for the Nusajaya state seat and Pulai parliamentary seat but were defeated in the two constituencies.

On August 31, 2015, Salahuddin joined Amanah due to internal conflict among PAS members at that time.

Other positions he has held included being appointed as a member of the Special Committee on Corruption, Malaysian Anti-Corruption Agency (MACC) as well as leading several humanitarian missions to Afghanistan, Vietnam, Iraq and Lebanon.- Bernama



MINISTER of Agriculture and Agro-based Industry, Salahuddin Ayub.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2018	HARIAN METRO	SETEMPAT	82

82 setempat

20-05-2018

Remaja jadi operator judi atas talian

Kuching: Usianya baru 15 tahun namun seorang remaja lelaki sudah berjinak-jinak dengan perjudian atas talian bagi mendapatkan duit saku. Namun, tindakannya yang menjadi penjual kad tambah nilai perjudian atas talian itu tidak bertahan lama selepas ditahan sepasukan polis kelmarin.

METRO AHAD

STRAWBERI KUBANG MENERONG

■ Bekas pensyarah mula dengan dua pokok kini miliki 1,000 tanaman

Mohd Sharunnisham Shahbudin
cnews@nstp.com.my

Padang Sera

Bekas pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak menyangka dengan hanya menanam dua anak pokok strawberi setahun lalu kini mampu menjana pendapatan kepadanya.

Aziz Romli, 59, berkata, bermula dengan dua pokok kini dia memiliki lebih 1,000 pokok strawberi dan mendapat permintaan menggalakkan daripada pelanggan dari seluruh negara.



AZIZ menunjukkan strawberi yang ditanam di Kampung Kubang Menerong.

Menurutnya, minatnya menanam pokok strawberi tercetus apabila melihat tanaman milik rakannya dan cuba menanam sendiri dari jenis Japan Sweet Charlie.

"Penanaman dan penjagaannya tidak sesukar dijangka kerana dengan sistem yang betul, pokok ini mudah membiak

dan dijaga.

"Strawberi tanah rendah lebih lasak dan buahnya pula lebih besar dan manis berbanding tanah tinggi seperti Cameron Highlands," katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Kubang Menerong di sini.

Menurutnya, dia kini memiliki lebih 1,000 pokok strawberi dari lima jenis seperti Royal

80, Albany, JB Sweet, dan Snow Rabbit, serta Japan Sweet Charlie.

Pernah bertugas 20 tahun dalam bidang Sains Komputer (Multimedia) Universiti Utara Malaysia (UUM), Aziz turut membuka peluang kepada mana-mana pihak terutama penduduk kampung dan suri rumah untuk berkongsi kemahiran menanam buah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2018	HARIAN METRO	SETEMPAT	82

Semanis buah kabung

Perak: Walaupun buah kantau atau dikenali juga buah kabung boleh didapati sepanjang musim namun permintaannya yang dijadikan pemanis mulut itu lebih mendapat tumpuan setiap kali Ramadan.

Buah kantau yang rupanya seperti agar-agar itu menjadi tradisi masyarakat daerah Perak Tengah yang hanya dihasilkan setahun sekali.

Pengusahanya, Razuan Talib, 66, berkata, buah kantau atau dalam loghat Perak disebut kantor lazimnya hanya boleh didapati setiap Ramadan kerana permintaannya lebih tinggi berbanding hari biasa.

Katanya, buah itu boleh menyejukkan badan dan sesuai dibuat serbat, halwa dan bubur pengat yang ditambah dengan sagu kecil untuk mendapatkan rasa yang lebih enak.

"Lebih 20 tahun saya menghasilkan buah ini bersama is-

RAZUAN menunjukkan buah kabung yang baru dipetik dari pokok di Kampung Tua, Belanja Kiri. Gambar kecil, buah kabung



teri, Rajamah Man, 54, dan setiap kali tiba bulan puasa, saya akan meninggalkan sementara kerja menoreh untuk menyediakan dan menjual buah kegemaran ramal ini. "Sehari kami dapat menghasilkan hingga 15 kilogram buah kantau dan masih meng-

gunakan sukatan gantang dengan menjual pada harga berbeza mengikut runcit dan borong.

"Harga jualan hanya dimaklumkan kepada pembeli saja kerana ia adalah rahsia," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tua, Belanja Kiri, di sini.

Razuan berkata, proses penyediaan buah kantau rumit, bermula dengan mengambil buah di pokok yang memer-

lukan kemahiran tersendiri sebelum ia direbus dan dikopek untuk mendapatkan isinya.

"Buah kantau ini sifatnya gatal dan selepas buah dikeluarkan, ia perlu direndam dan dibersihkan setiap hari bagi mengelakkan buah menjadi masam.

"Pembeli juga perlu membuang 'mata kecil' warna putih pada buah sebelum dimakan bagi mengelakkan gatal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2018	SINAR HARIAN	ONLINE	

Potensi jadi pusat agro pelancongan

SITI SAFA MOHD NOR
20 MEI 2018



Noor Azmi (dua, kanan) melihat Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Operasi Jabatan Pertanian Malaysia, Abdul Daut menanam pokok durian belanda sebagai gimik pelancaran.

LEKIR - Pusat Pertanian Lekir boleh dibangunkan sebagai pusat agro pelancongan bernilai tinggi di Perak melalui pelbagai perancangan dan inisiatif yang sudah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan.

Pengarah Pertanian negeri, Noor Azmi Yahya berkata, terbaru lokasi itu dipilih lokasi program Gerak Tani Nasional (GTN) Pusat Tanaman Bank buah-buahan.

Menurutnya, pelbagai pokok buah termasuklah rambutan, durian belanda, mangga, manggis, nangka, cempedak, ciku, jambu batu dan limau bali akan ditanam di kawasan seluas 30 hektar.

"Ini juga satu pengiktirafan kepada pihak pertanian bagi menjaga baka-baka pokok klon dan seterusnya mendaftarkan nama-nama pokok ini bagi tujuan kajian dan penyelidikan.

"Bagi peringkat pertama melibatkan keluasan 6 hektar dahulu dan ia melibatkan tiga fasa kesemuanya," katanya ketika majlis perasmian program Gerak Tani Nasional (GTN) Lekir Peringkat Negeri Perak di Pusat Pertanian Lekir, Batu 7 Lekir baru-baru ini.

Majlis pelancaran itu telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pertanian Operasi Jabatan Pertanian, Abdul Daut dan turut dihadiri Timbalan Pengarah Pertanian Pengembangan, Perundingan Pelaburan dan Industri Asas Tani negeri Perak, Mohd Zulkifli Yaacob.

Noor Azmi berkata, kawasan itu boleh dijadikan sebagai lokasi agro pelancongan kerana mempunyai pelbagai jenis pokok buah.

"Di sini juga terletak Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) melibatkan tanaman pokok mangga Chokanan selain beberapa tanaman lain.

"Kita harap ia dapat dikembangkan lagi dan menjadikan tempat ini sebagai lokasi tumpuan awam di daerah Manjung," katanya.

Pusat Bank tanaman adalah berfungsi untuk mengumpulkan pokok-pokok baka klon yang telah didaftarkan sebagai tujuan memastikan pokok berkenaan tidak pupus begitu sahaja dan boleh dijadikan rujukan serta kajian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/5/2018	SELANGOR KINI	ONLINE	

MPAJ kumpul sukarelawan 'selamatkan' lebih makanan bazar Ramadan

May 20, 2018 12:19 pm
OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM, 20 MEI: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengadakan kempen MySaveFood Ramadhan dengan objektif untuk mengagihkan lebih makanan berkualiti kepada pihak memerlukan.

Sumber dari Bahagian Kesihatan Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar dan Penjaja, MPAJ berkata, ia bertujuan untuk memastikan lebih makanan di bazar Ramadan tidak dibuang begitu sahaja ke tapak pelupusan sampah.

Katanya, kempen tersebut mendapat kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) yang turut menyokong inisiatif ke arah mengurangkan pembaziran makanan.

"Justeru itu MPAJ sedang mengumpulkan sukarelawan yang terdiri daripada orang awam yang prihatin, kemudiannya lebih makanan berkualiti akan diagihkan kepada penerima yang layak.

"Bagi yang berminat, orang ramai boleh melayari laman web MPAJ dan mengisi borang atas talian yang disediakan, antara tugas disediakan ialah petugas promosi, pengumpulan stok dan juga petugas agihan," katanya melalui kenyataan kepada SelangorKini.

Sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi talian 03-42857109, 03-42857098 atau 03-42857007.